

**KOLEJ YAYASAN MELAKA  
(NO. 111657V)**

**PANDUAN PENDAFTARAN  
&  
SYARAT-SYARAT MENGIKUTI PENGAJIAN  
SEMESTER 1**

**NAMA** : .....

**NO. KAD PENGENALAN** : .....

**KURSUS** : .....

**SESI PENGAJIAN** : .....

## PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN APABILA MENDAPAT TAWARAN

---

Jika anda menerima tawaran ini anda perlu melakukan perkara-perkara berikut:-

1. Mengembalikan **BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN** dengan segera.
2. Borang boleh dikembalikan mengikut mana-mana cara yang berikut:
  - i. Secara Pos : Sila poskan kepada alamat di borang.
  - ii. Secara Faks : Sila faks kepada nombor
  - iii. Secara Telefon: Sila hubungi nombor 06-2861061 atau 06-2861062
3. Anda dinasihatkan tidak menunggu hingga saat akhir untuk mengembalikan **BORANG PENGESAHAN PENERIMAAN**. Pihak KYM tidak akan bertanggungjawab sekiranya pelajar gagal mendapat tempat di KYM kerana gagal membuat pengesahan pendaftaran.
4. Menyediakan dokumen-dokumen yang diperlukan dan keperluan diri untuk tinggal di asrama.

## PERKARA-PERKARA YANG PERLU DILAKUKAN PADA HARI PENDAFTARAN

---

1. Datang melapor diri pada tarikh dan masa yang ditetapkan. Sila rujuk tarikh dan masa pendaftaran pada surat tawaran. Anda dinasihatkan untuk hadir awal pada masa yang ditetapkan.
2. Pendaftaran di KYM dijalankan secara berpusat di Dewan Pendaftaran. Pelajar perlu melakukan tindakan berikut semasa mendaftar:
  - 2.1 Menunjukkan kad pengenalan asal dan surat tawaran KYM untuk semakan.
  - 2.2 Menjelaskan bayaran yuran pendaftaran seperti berikut:-

**JADUAL 2.2: YURAN PENDAFTARAN KYM**

Program	Jumlah Yuran Pendaftaran
PROGRAM IJAZAH	RM 800.00
PROGRAM DIPLOMA	RM 600.00
PROGRAM SIJIL KEMAHIRAN	RM 400.00

- 2.3 Menyerahkan Dokumen Keperluan MARA/PTPTN/PTPK dan **Salinan Muka Hadapan Buku Akaun Bank Islam (M) Berhad** dalam satu sampul surat besar.
- 2.4 Menyerahkan Dokumen Rekod Pelajar (Borang TM 1A, TM 1B, TM 1D, TM 1F).

**SYARAT-SYARAT MENGIKUTI PENGAJIAN  
DI KOLEJ YAYASAN MELAKA  
SEMESTER 1**

---

**1. Laporan Pemeriksaan Air Kencing (Borang TM1A)**

Tawaran Kemasukan ini tertakluk kepada syarat anda lulus pemeriksaan kesihatan dan air kencing daripada hospital kerajaan atau klinik swasta. Sila gunakan Borang TM1A yang disertakan untuk tujuan pemeriksaan kesihatan. Kos bagi pemeriksaan kesihatan adalah di atas tanggungan pelajar sendiri.

**2. Tempoh Pengajian**

Tempoh pengajian setiap program adalah seperti berikut:

<b>Program</b>	<b>Tempoh Pengajian</b>
Ijazah	Tiga (3) Tahun/ 5 semester hingga 10 semester
Diploma	Tiga (3) Tahun/ 6 semester
Sijil Kemahiran Malaysia	18 Bulan (2 Tahap)

**3. Yuran Pendaftaran**

Bayaran yuran semasa pendaftaran (sila rujuk jadual 2.2).

**4. Asrama**

- 4.1 Semua pelajar Tahun 1 diwajibkan tinggal di asrama yang disediakan oleh KYM.
- 4.2 Kemudahan-kemudahan yang disediakan di asrama ialah katil, almari, meja belajar dan kerusi. Pelajar diingatkan supaya membawa barang-barang keperluan sendiri seperti cadar, bantal, sarung bantal, penyangkut baju dan keperluan peribadi yang lain.
- 4.3 Pelajar yang menginap di asrama adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan yang terdapat dalam Peraturan Asrama Kolej Yayasan Melaka dan dikehendaki mematuhi. Peraturan-Peraturan Kolej Yayasan Melaka (Kelakuan dan Tatatertib), 1999. Sekiranya pelajar melanggar peraturan-peraturan yang disebutkan, pihak Kolej boleh menyingkirkan mana-mana pelajar daripada asrama dan tidak memulangkan sebarang bayaran asrama yang telah dijelaskan.
- 4.4 Pelajar tidak boleh menuntut sebarang pemulangan bayaran jika menarik diri daripada asrama pada bila-bila masa di atas apa-apa sebab sekalipun.

## 5. Pengangkutan

Pihak Kolej menyediakan khidmat pengangkutan bagi semua pelajar-pelajar untuk menghadiri kuliah atau aktiviti yang berkaitan dengan pengajian di KYM dengan bayaran minimum sahaja. Yuran Pengangkutan adalah yuran wajib/berulang bagi setiap semester.

## 6. Minggu Haluan Siswa

Setiap pelajar dikehendaki mengikuti semua aturcara Minggu Haluan Siswa.

## 7. Prosedur Penarikan Diri Daripada Pengajian

7.1 Permohonan untuk menarik diri daripada pengajian hendaklah dilakukan dengan mengemukakan Borang Tarik Diri tertakluk kepada kelulusan Rektor.

7.2 Borang Tarik Diri boleh didapati di pejabat asrama dan pejabat program-program yang berkaitan. Sila penuhi borang tersebut sebelum meninggalkan Kolej.

7.3 Penarikan diri berkuatkuasa dari tarikh kelulusan yang diberikan oleh Rektor Kolej Yayasan Melaka.

### 7.4 Jika anda menarik diri, Yuran Pengajian akan dicaj seperti berikut:

**7.4.1 Jika menarik diri sebelum berakhir minggu kedua perkuliahan, 25% daripada yuran pengajian akan dituntut;**

**7.4.2 Jika anda menarik diri di antara minggu ketiga sehingga minggu kelima perkuliahan, 50% daripada yuran pengajian akan dituntut;**

**7.4.3 Jika anda menarik diri selepas minggu kelima, tuntutan penuh atas yuran pengajian akan dibuat.**

7.5 **Segala yuran yang telah dibayar** termasuk yuran pendaftaran, yuran perpustakaan, yuran penyelenggaraan dan lain-lain yuran tidak akan dikembalikan.

7.6 Yuran Pengurusan sebanyak RM150.00 akan dituntut jika menarik diri semasa minggu haluan siswa.

7.7 Sekiranya pelajar menarik diri dari Kolej pada bila-bila masa sepanjang pengajian di Kolej:

7.7.1 Caj yuran pengajian adalah seperti di klausa 7.4.

7.7.2 Caj-caj yang dikenakan ke atas pelajar adalah tertakluk kepada Kaedah Tuntutan Yuran yang telah diluluskan oleh Rektor.

7.8 Sekiranya pelajar menarik diri dari Kolej dengan tidak mengikut prosedur yang ditetapkan (seperti mengisi Borang Penarikan Diri) pihak Kolej berhak menuntut kembali dermasiswa yang telah diberikan pada semester pertama. Tiada pemulangan yuran pengajian, yuran asrama, yuran pengangkutan dan yuran lain-lain akan dibuat. Yuran pendaftaran, perpustakaan,

penyelenggaraan, pas pengangkutan dan yuran lain-lain juga akan dituntut. Yuran pengurusan sebanyak RM 150.00 akan dikenakan.

7.9 Sekiranya pelajar masih belum menguruskan/mempunyai pinjaman, tanggungan tunggakan adalah atas pelajar.

## **8. Hak Menarik Balik Tawaran**

Kolej berhak menarik balik tawaran ini pada bila-bila masa atau menyingkirkan anda jika pada satu masa sepanjang tempoh pengajian didapati kenyataan atau maklumat yang anda berikan semasa membuat permohonan adalah tidak betul, palsu atau melanggar peraturan-peraturan atau tingkahlaku.

## **9. Tingkah Laku dan Displin Pelajar di Kampus dan Luar Kampus**

9.1 Sepanjang tempoh pengajian, anda dikehendaki mematuhi undang-undang negara dan undang-undang Universiti/Kolej yang terdiri daripada Akta Universiti dan Kolej Universiti, Perlembagaan Universiti, Kedah-kaedah (Tatatertib Pelajar) Universiti/Kolej, Statut, Akta dan Peraturan dan keputusan yang dibuat oleh pihak berkuasa Universiti/Kolej dari semasa ke semasa;

9.2 Sentiasa menjaga nama baik Universiti dan Kolej dan menjaga harta benda serta kemudahan-kemudahan perkhidmatannya supaya tidak dirosakkan oleh sesiapa jua;

9.3 Menghormati para pegawai, kakitangan, pensyarah dan tutor Universiti/Kolej;

9.4 Mengambil bahagian dalam semua kegiatan akademik, kebudayaan, sukan serta perkhidmatan masyarakat yang dilaksanakan oleh Universiti/Kolej untuk anda;

9.5 Tidak melibatkan diri dalam sebarang kegiatan yang menghalang perjalanan dan urusan Universiti/Kolej seperti pemulauan kuliah dan sebagainya; dan

9.6 Jemaah Displin dan Tatatertib Kolej boleh mengenakan mana-mana atau apa-apa kombinasi hukuman 9.7.1-9.7.8 yang dinyatakan di bawah ke atas mana-mana pelajar yang didapati bersalah melanggar peraturan-peraturan Universiti/Kolej;

9.7 Berikut adalah hukuman-hukuman yang akan dikenakan sekiranya melanggar peraturan-peraturan Universiti/Kolej:-

9.7.1 Amaran

9.7.2 Denda serta bon berkelakuan baik

9.7.3 Gantung pengajian/dihalang daripada mengambil peperiksaan

9.7.4 Tangguh pemberian sijil

9.7.5 Dilucutkan jawatan apa-apa badan pelajar yang disandang

9.7.6 Pembayaran gantirugi

9.7.7 Dibuang dari pengajian di Kolej dan

9.7.8 Tuntutan undang-undang sivil terhadap pelajar.

9.8 Secara umumnya pelajar-pelajar hendaklah berpakaian kemas, bersih, menutup aurat (bagi pelajar Islam) dan sopan.

### 9.8.1 Pakaian dan Rupa Diri Siswa:

- a. Baju:-
  - i. Baju kemeja berlengan panjang atau pendek.
  - ii. Sentiasa dimasukkan ke dalam seluar (*tucked-in*).
  - iii. Mestilah sentiasa dikenakan butang dengan sempurna.
  - iv. Pemakaian baju Melayu (baju Kebangsaan) dibenarkan tetapi hendaklah lengkap sepasang beserta kain sampin dan bersongkok hitam.
  - v. Kemeja-T berkolar yang tiada tulisan atau gambar yang membawa maksud yang negatif kepada masyarakat.
- b. Seluar:-
  - i. Seluar *slack* panjang dan berwarna gelap.
  - ii. Seluar *denim/jeans* dilarang, kecuali semasa sesi bengkel.
- c. Kasut:-
  - i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat, berwarna hitam dan sempurna berstokin.
  - ii. Selipar, sandal, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/atau bengkel.
  - iii. Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.
- d. Rambut:-
  - i. Rambut sentiasa pendek dan kemas. Aras belakang tidak melebihi paras kolar baju, aras tepi tidak melebihi paras setengah telinga dan aras depan tidak menutup dahi.
  - ii. Rambut berfesyen *afro, punk*, berekor dan diwarnakan adalah dilarang.
  - iii. Tidak botak kecuali yang disyariatkan oleh agama
- e. Perhiasan
  - i. Sebarang bentuk perhiasan **TIDAK** dibenarkan.

### 9.8.2 Pakaian dan Rupa Diri Siswi:

- a. Baju:-
  - i. Pakaian yang menutup aurat, bersih, kemas dan sopan bagi semua pelajar Muslim.
  - ii. Pakaian menjolok mata (seperti pakaian ketat, jarang, pendek, berbelah, nipis dan mendedahkan mana-mana bahagian seperti dada, pusat, bahu dan belakang) adalah dilarang.
  - iii. Pakaian hendaklah berlengan panjang sampai ke pergelangan tangan.
  - iv. Labuh baju sekurang-kurangnya menutup punggung.
  - v. Pelajar bukan Muslim dilarang memakai skirt yang lebih pendek daripada paras lutut.
  - vi. Kemeja-T berkolar yang tiada tulisan atau gambar yang membawa maksud yang negatif kepada masyarakat.
- b. Sarung dan *Maxi*:-

- i. Labuh
  - ii. Longgar
  - iii. Tidak jarang.
- c. Seluar:-
- i. Seluar slack panjang.
  - ii. Seluar *denim/jeans* dilarang, kecuali semasa sesi bengkel.
  - iii. Tidak ketat.
- d. Kasut:-
- i. Hendaklah sesuai untuk kerja di pejabat. Kasut sukan hanya dibenarkan semasa aktiviti sukan sahaja.
  - ii. Selipar, sandal, terompah, capal dan sebagainya adalah dilarang semasa menghadiri kuliah dan/atau bengkel.
  - iii. Kasut yang berladam logam dan berbunyi bising adalah dilarang.
- e. Rambut:-
- i. Hendaklah kemas dan beridentitikan seorang pelajar perempuan.
  - ii. Rambut berfesyen *afro, punk*, berekor dan diwarnakan adalah dilarang.
- f. Perhiasan:-
- i. Tidak digalakkan memakai barang kemas.

9.9 Setiap pelajar mestilah sentiasa memakai **Kad Pelajar** semasa berada di dalam kampus. Tanpa Kad Pelajar siswa/siswi tidak dibenarkan menghadiri kuliah atau bengkel. Kad Pelajar mesti dipakai pada paras dada supaya boleh dilihat dengan jelas. Pelajar hendaklah mempamerkan bahagian hadapan Kad Pelajar (gambar) ke hadapan. Pelajar juga tidak dibenarkan memakai Kad Pelajar kepunyaan pelajar lain atau menyalahgunakan kad tersebut untuk tujuan yang difikirkan tidak elok oleh Kolej. Jika Kad Pelajar hilang/rosak; kad yang baru boleh didapati dengan memohon kepada Jabatan Keselamatan Dan Displin Kolej dengan bayaran RM5.00 (Lima Ringgit Malaysia Sahaja).

## 10. Perubatan Pelajar

Pihak Kolej Yayasan Melaka akan menanggung segala perbelanjaan perubatan pelajar kecuali perubatan pergigian, pemeriksaan kesihatan, suntikan pelalian dan beberapa penyakit lain. Walau bagaimanapun jumlah kos perubatan yang ditanggung oleh Kolej hendaklah tidak melebihi RM500.00 sepanjang pengajian di Kolej. Perubatan hendaklah dilakukan di hospital dan klinik kerajaan sahaja. Tanggungan kos perubatan ini hanya berkuatkuasa kepada pelajar yang sedang mengikuti pengajian sahaja.

## 11. Perubahan Maklumat Peribadi

Anda dikehendaki melaporkan sebarang perubahan maklumat peribadi terutama yang melibatkan alamat semasa dan alamat tetap dengan mengisi '*Borang Perubahan Maklumat Peribadi*' dan menghantar borang tersebut kepada Penyelaras/Dekan Program yang berkenaan.

# **DOKUMEN-DOKUMEN**

**UNIT REKOD**

**&**

**UNIT PINJAMAN**

**KOLEJ YAYASAN MELAKA**

**SURAT KEBENARAN**  
(Untuk Diserahkan Kepada Kolej Yayasan Melaka)

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....

Beralamat .....

.....

Bapa/Ibu/Penjaga kepada .....

No. Kad Pengenalan ..... Program .....

Dengan ini secara rela hati membenarkan Kolej Yayasan Melaka bertindak sebagai 'Next of Kin' untuk menandatangani borang keizinan pembedahan bagi pihak saya jika berlaku apa-apa kemalangan atau kecederaan yang memerlukan pembedahan terhadap beliau dan saya mengaku bahawa saya akan melepaskan atau membebaskan tanggungan Kolej Yayasan Melaka terhadap sebarang tuntutan sama ada dari pihak saya sendiri atau pihak-pihak lain sekiranya berlaku apa-apa perkara, kesan atau akibat pembedahan tersebut. Saya dengan ini memberi sepenuh kepercayaan dan kebenaran kepada Kolej Yayasan Melaka menjalankan sebarang aktiviti yang melibatkan anak di bawah jagaan saya.

Dihadapan (Nama Saksi) ..... No. Kad Pengenalan .....

Alamat .....

.....

.....  
(Tandatangan bapa/ibu/penjaga)

.....  
(Tandatangan saksi & cap jawatan)

Tarikh: .....

No. Tel. : .....

Perhatian: Saksi hendaklah terdiri daripada salah seorang yang berikut:-

- i. Saudara terdekat
- ii. Penghulu/Penggawa
- iii. Pegawai Kerajaan, Pegawai Badan Berkanun atau Majlis Tempatan
- iv. Guru Besar/Pengetua
- v. Pegawai Pendidikan

\* Potong yang tidak berkenaan

**IKRAR  
KOLEJ YAYASAN MELAKA**

Bahawasanya, saya sebagai mahasiswa Kolej Yayasan Melaka sesungguhnya berikrar dan mengaku, bahawa saya akan:-

- Patuh kepada perlembagaan, statut, akta, peraturan dan tata tertib yang berkuatkuasa di Kolej Yayasan Melaka;
- Berusaha sedaya upaya saya mencari dan memperdalamkan ilmu pengetahuan dan menjunjung tinggi kebebasan berbuat demikian;
- Sentiasa memelihara dan meninggikan nama baik Kolej Yayasan Melaka serta memberi segala khidmat saya kepada Kolej Yayasan Melaka dan masyarakat.

**IKRAR  
UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA**

Bahawasanya saya sebagai mahasiswa Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Yayasan Melaka sesungguhnya berikrar dan mengaku bahawa saya akan:-

- Patuh kepada perlembagaan, statut, akta, peraturan dan tata tertib yang berkuatkuasa di Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Yayasan Melaka;
- Berusaha sedaya upaya saya mencari dan memperdalamkan ilmu pengetahuan dan menjunjung tinggi kebebasan berbuat demikian;
- Sentiasa memelihara dan meninggikan nama baik Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Yayasan Melaka serta memberi segala khidmat saya kepada Universiti Teknologi Malaysia dan Kolej Yayasan Melaka dan masyarakat.

---

NAMA PELAJAR : .....

NO. KAD PENGENALAN : .....

KURSUS : .....

.....  
Tarikh

.....  
Tandatangan Pelajar

**IKRAR**  
**UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

Menginsafi dan menghargai peluang dan penghormatan yang telah diberikan  
Kepada saya untuk menjadi pelajar  
Kolej Yayasan Melaka

**DENGAN INI MENGAKU**

Pertama, akan berusaha sepenuh daya  
Untuk mencapai kecemerlangan dalam ilmu

Kedua, akan sentiasa menyedari peri pentingnya  
Mempertingkatkan budi pekerti yang mulia

dan

Ketiga, berazam dengan kuatnya untuk memberikan  
Sumbangan bakti kepada masyarakat, bangsa, agama dan negara.

Demi mencapai hasrat itu, saya berikrar akan sentiasa  
Mematuhi undang-undang dan peraturan

**KOLEJ YAYASAN MELAKA**

Saya juga akan sentiasa menjaga nama baik dan  
Mempertingkatkan kecemerlangan Kolej

NAMA PELAJAR : .....

NO. KAD PENGENALAN : .....

KURSUS : .....

.....  
Tandatangan Ketua Bahagian

Hal Ehwal Akademik

Kolej Yayasan Melaka

Tarikh : .....

.....  
Tandatangan Pelajar

Tarikh: .....

## GARIS PANDUAN PAKAIAN DAN RAMBUT

Semua pelajar hendaklah berpakaian yang sesuai dengan amalan biasa masyarakat Malaysia dan selaku para intelek negara, para pelajar dikehendaki sentiasa mengamalkan pakaian kemas dan sopan semasa berada di kampus dan premis-premis di bawah pentadbiran Kolej Yayasan Melaka.

### 1.1 Pakaian Semasa kuliah/Tutorial

Lelaki: Baju kemeja dengan lengan panjang berwarna cerah, bertali leher dan berseluar gelap serta bersepatu hitam

Perempuan: Pelajar Muslim wajib berbaju kurung dan bukan muslim berpakaian yang sopan dan tidak menjolok mata serta bersepatu hitam.

### 1.2 Pakaian Semasa Ko-Kurikulum/Bengkel

Pelajar dikehendaki berpakaian yang sesuai dengan ko-kurikulum/bengkel yang dihadiri. Pelajar hendaklah berpakaian kemas dan sopan.

Para pelajar hendaklah patuh kepada semua arahan dan amalan pakaian yang dikuatkuasakan oleh Kolej Yayasan Melaka terutama di dewan/bilik kuliah, bilik tutorial, perpustakaan, makmal dan juga semasa menjalani amali dan sebagainya.

### 1.3 Tag Nama

Setiap pelajar dikehendaki memakai tag nama semasa berada di kampus.

### 1.4 Rambut

Pelajar lelaki hendaklah berambut pendek dan kemas dengan tidak mencecah kolar baju.

### 1.5 Kawasan Larangan Merokok

Seluruh kawasan Kolej adalah kawasan larangan merokok. Oleh itu para pelajar tidak dibenarkan merokok di kawasan Kolej dan premis.

.....*potong di sini*.....

Saya ..... No. Kad Pengenalan .....

Akan mematuhi peraturan berpakaian yang telah ditetapkan oleh pihak Kolej Yayasan Melaka. Saya bersedia untuk diambil tindakan jika saya didapati melanggar peraturan yang telah ditetapkan.

Tandatangan : .....

Tarikh : .....